



Dr. Mahathir berbual dengan pengerusi baru

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berbual dengan pengerusi baru Syarikat United Motor Works, Enck Chelliah Selvarajah (kanan) dengan diperhatikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Shahbuddin (tengah).

Gambar ini diambil semasa Dato Seri Dr. Mahathir menghadiri majlis meraikan perpisahan Dato Syed Nahar sebagai Pengerusi syarikat tersebut yang diadakan di Kuala Lumpur.

Dato Syed Nahar memegang jawatan tersebut selama beberapa waktu sebelum dilantik menjadi Menteri Besar Kedah.

Majlis perpisahan itu juga mengucapkan tahniah atas perantukan beliau menjadi Menteri Besar.

Beberapa orang Menteri Kabinet, dan pemimpin-pemimpin perniagaan dan perusahaan Bumiputera hadir di majlis tersebut. — Gambar Berita Harian.